



## ULASAN PENSKOPAN MAKANAN SEBAGAI SIMBOL KOMUNIKASI BUKAN LISAN

### *(Scoping Review of Food as a Symbol in Non-Verbal Communication)*

Nor Adila Samuri<sup>1</sup>, Norhuda Salleh<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [norhudasalleh@ums.edu.my](mailto:norhudasalleh@ums.edu.my)

Received: 6 May 2025 • Accepted: 23 July 2025 • Published: 7 September 2025

### **Abstract**

*Symbols are an important element in determining a successful communication process. This research focuses on food as a symbol in the context of non-verbal communication for conveying social and cultural messages. The study's objective is to analyze knowledge gaps related to food as a symbol in non-verbal communication. A scoping review was used, with data collected through a systematic search of the Web of Science (WoS) and Scopus databases. Search terms such as nonverbal, communication, food, dish, cuisine, and meal were applied, resulting in 11,643 papers sorted from Scopus and WoS, in the selection of 11 articles for analysis. The research findings highlight six themes: lifestyle, location, time, identity markers, food characteristics, and the relationship between humans and animals. Additionally, the study identifies ten specific areas in food research, including meal timing and location, family context, employment status, health measurements, eating styles, emotional expressions, cultural rituals, and belief systems. This study provides a deeper understanding of how food is used as a symbol in non-verbal communication and suggests further exploration in varied cultural and ethnic contexts to address knowledge gaps in communication studies.*

**Keywords:** Culture; Identity Markers; Food; Non-verbal Communication; Social Context

### **Abstrak**

Simbol adalah elemen penting dalam menentukan kejayaan proses komunikasi. Penyelidikan ini menumpukan pada makanan sebagai simbol dalam konteks komunikasi bukan lisan untuk menyampaikan mesej sosial dan budaya. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis jurang pengetahuan berkaitan makanan sebagai simbol dalam komunikasi bukan lisan. Kajian ulasan penskopian digunakan, dengan data dikumpulkan melalui pencarian sistematik dari pangkalan data Web of Science (WoS) dan Scopus. Istilah pencarian seperti *nonverbal*, *communication*, *food*, *dish*, *cuisine* dan *meal* digunakan, menghasilkan 11,643 artikel dengan memilih 11 artikel untuk dianalisis. Penemuan kajian menonjolkan enam tema: gaya hidup, lokasi, masa, penanda identiti, ciri-ciri makanan, dan hubungan antara manusia dan haiwan. Selain itu, kajian ini mengenal pasti sepuluh bidang khusus dalam penyelidikan makanan, termasuk waktu dan lokasi makan, konteks keluarga, status pekerjaan, ukuran tahap kesihatan, gaya makan, ekspresi emosi,

ritual budaya, dan sistem kepercayaan. Kajian ini menyediakan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana makanan digunakan sebagai simbol dalam komunikasi bukan lisan dan mencadangkan supaya kajian lanjut dilaksanakan dalam pelbagai konteks budaya dan etnik untuk menangani jurang pengetahuan dalam kajian komunikasi.

**Kata kunci:** Budaya; Penanda Identiti; Makanan, Komunikasi Bukan Lisan, Konteks Sosial

**Cite as:** Samuri, N.A., & Salleh, N. (2025). Ulasan Penskopan Makanan Sebagai Simbol Komunikasi Bukan Lisan. *Asian People Journal*, 8(SI1), 189-203.

## PENGENALAN

Penyampaian maklumat secara bukan lisan merujuk kepada bentuk komunikasi yang berlaku tanpa penggunaan perkataan. Secara umumnya, terdapat pelbagai pendekatan yang telah digunakan oleh penyelidik terdahulu untuk mendalami konteks ini. Sebagai contoh, wujud perdebatan dalam kalangan sarjana bagi menghuraikan segenap sudut yang berbeza terhadap pengaplikasian komunikasi bukan lisan dalam aktiviti kehidupan seharian. Antara sarjana yang membincangkan isu ini termasuk (Darwin, 1897; Efron, 1941; Knapp & Harrison, 1972; Adler & Rodman, 2003; DeVito, 2005; Pearson et al., 2011; Norhuda Salleh, 2014; Seiler et al., 2016; Noor Norazila Inai et al., 2020; Siti Umi Nafi'ah, 2021; Anak Tugau, 2022; Khairul Azam Bahari & Azhar Wahid, 2023). Perbincangan yang dilakukan oleh para sarjana ini merangkumi pelbagai perspektif, seperti definisi komunikasi bukan lisan, interaksi antara manusia dan haiwan, simbol dalam perkahwinan Melayu, simbol dalam ritual kesejahteraan, simbol dalam adat kematian, dan penggunaan masa sebagai lambang dalam komunikasi bukan lisan budaya Melayu. Daripada perbincangan ini, jelas bahawa komunikasi memainkan peranan dominan dalam kehidupan seharian, merangkumi pelbagai aspek yang melibatkan manusia dan haiwan.

Mehrabian dan Wiener (1967) menjelaskan bahawa 93 peratus komunikasi berlaku secara bukan lisan, manakala hanya tujuh peratus disampaikan secara lisan. Pandangan ini disokong oleh Ray L. Birdwhistell, seperti dirujuk oleh Siti Umi Nafi'ah (2021), yang menyatakan 65 peratus komunikasi bersifat bukan lisan dan 35 peratus lisan. Walaupun terdapat perbezaan dalam nilai peratusan, jelas bahawa komunikasi bukan lisan mendominasi. Penjelasan ini menunjukkan bahawa komunikasi bukan lisan memikul tanggungjawab besar dalam menyampaikan makna melalui simbolisme. Oleh itu, ulasan skop ini dijalankan untuk mengkaji berapa banyak artikel yang diterbitkan dalam pangkalan data Scopus dan WoS mengenai penggunaan makanan sebagai alat komunikasi bukan lisan, serta meneliti fokus penyelidikan yang dipilih pengkaji dalam kedua-dua pangkalan data tersebut.

## SOROTAN LITERATUR

### Makanan Sebagai Simbol Alat Komunikasi Bukan Lisan

Selain berfungsi sebagai sumber nutrisi, makanan juga memegang peranan penting dalam kehidupan seharian sebagai simbol dalam komunikasi bukan lisan. Hal ini dijelaskan oleh Norhuda Salleh (2017) dalam tesisnya mengenai ritual dan simbol dalam adat perkahwinan Melayu di Sekinchan, Selangor. Menurut beliau, makanan mampu menyampaikan makna secara simbolik tanpa pertuturan. Pendekatan ini secara tidak langsung memaparkan idea dan pemikiran di sebalik proses adat atau objek fizikal dalam melaksanakan sesuatu kebudayaan. Pendapat ini disetujui oleh Tian Fen (2017), yang menambah bahawa penggunaan simbol dapat dimanfaatkan sebagai medium komunikasi antara budaya yang berkesan. Keunikan simbol makanan membolehkan proses pengenalan identiti

etnik dijalankan dengan lebih efisien. Bagi menjelaskan pernyataan di atas dengan lebih tuntas, beberapa contoh situasi dapat dilihat melalui pelaksanaan adat dan ritual, seperti perkahwinan, kematian, kelahiran, dan amalan budaya lain. Contohnya, dalam ritual kematian *Sabak Bebuah* masyarakat Iban di Sarawak, simbol *manuk* menandakan usaha keluarga si mati menghormati rombongan *sebayan* yang mengiringi roh untuk menghadap *Petara* (Anak Tugau, 2022). Hidangan yang disebut *piring* turut disediakan untuk tetamu yang menziarahi jenazah dan keluarganya, dengan susunan bahan yang mesti mengikuti ketetapan pecahan piring. Antara kandungannya ialah nasi, nasi pulut, rendai, tumpi', sungki, ketupat, garam, tembakau, kapur, pinang, daun ruku' (atau daun apung), telur, tuak, sirih, sedi', dan lauk-pauk. Masyarakat Iban percaya bahawa hidangan piring ini melindungi rombongan *sebayan* daripada mengganggu komuniti dan keluarga yang masih hidup.

Sementara itu, masyarakat Suluk di Kudat melarang penggunaan labu merah dalam masakan semasa tempoh berkabung, kerana dipercayai ia akan "memakan" roh apabila dibawa masuk ke rumah (Habibah @ Artini Ramlie et al., 2022, hlm. 371). Maka, dengan berlandaskan contoh tersebut wujud hubungan komunikasi yang dirujuk sebagai aktiviti simbolik manusia dalam menyampaikan makna iaitu semiotik melalui sistem tanda iaitu perlambangan, simbol dan tanda (Leeds-Hurwitz, 1993). Justeru, situasi ini yang dijelaskan oleh Halina Sendera Mohd. Yakin dan Totu (2019) perihal wujudnya ruang khas iaitu '*there is a special fit*' di antara semiotik dan juga komunikasi bukan lisan. Maka, hal ini secara nyata telah menjelaskan kebenaran pada ideologi yang dipegang oleh Umberto Eco iaitu "*... to communicate is to use the entire world as a semiotic apparatus. I believe the culture is that, and nothing else*" (Eco, 1976).

Kajian ini menunjukkan bahawa simbol makanan bukan sahaja penting dalam ritual kematian, tetapi juga dalam pelbagai ritual lain seperti perkahwinan dan kelahiran. Sebagai contoh, pulut kuning dalam perkahwinan Melayu ditafsirkan sebagai simbol keutuhan hubungan kekeluargaan (Norhuda Salleh, 2017; Rosmaliza Muhammad et al., 2013). Tekstur pulut yang melekit menggambarkan keakraban hubungan antara keluarga dan pasangan pengantin. Namun, perlu diperhatikan bahawa makna simbolik makanan ini mungkin berbeza mengikut konteks budaya yang berbeza. Misalnya, walaupun kek dalam perkahwinan Bulgaria dilambangkan sebagai tanda kesuburan (Guigova, 2013), dalam perkahwinan Melayu, kek merupakan akomodasi kebudayaan barat yang menggantikan wajik (Norhuda Salleh, 2017).

Ruang makan turut memberi makna dalam konteks status identiti seseorang. kedudukan antara tempat makan bagi golongan lelaki dan wanita adalah berbeza di mana golongan lelaki akan lebih dominan berada di dalam khemah manakala wanita akan berada di dapur (Aishah@Eshah Hj. Mohamed, 1999). Hasil daripada pernyataan itu, dapat difahami bahawa wujud keterkaitan fungsi ruang dalam menentukan tujuan hidangan makanan itu dihidangkan dalam sesuatu majlis yang dilaksanakan mengikut etnik yang diwakili. Rentetan itu, jelaslah bahawa wujud kemungkinan perbezaan makna yang digalas disebabkan oleh perbezaan kebudayaan, kepercayaan dan amalan etnik tersebut. Hal ini dapat dibuktikan dari sudut rasa, hasil kajian (Aishah@Eshah Haji Mohamed et al., 2010; Rosmaliza Muhammad et al., 2013; Norhuda Salleh, 2017; Surya Masniari Hutagalung et al., 2021) menunjukkan bahawa meskipun lokasi pelaksanaan adat perkahwinan yang dikaji adalah berbeza namun dalam budaya perkahwinan Melayu rasa manis yang dimiliki pada hidangan dijumpai adalah sama iaitu sebagai lambang kebahagiaan atau kemanisan berumah tangga bagi pasangan yang diijabkabulkan.

Selain itu, warna dan tekstur makanan juga memainkan peranan penting dalam menandakan makna simbolik tertentu. Contohnya, warna kuning pada pulut kuning bagi masyarakat Melayu melambangkan kesultanan atau raja (Wijaya Kesuma, 2011), manakala dalam budaya etnik Tidong, warna ini ditafsirkan sebagai warna cemerlang yang mendoakan kejayaan bagi bayi yang baru lahir (Muhammad Arbain, 2021). Selain warna, tekstur hidangan juga boleh membawa makna simbolik, seperti hidangan ubi-ubian dalam adat turun tanah masyarakat Kelantan, yang melambangkan harapan agar anak yang diraikan akan berjaya dan berbakti kepada tanah (Azlina

Musa et al., 2020). Bukan itu sahaja, penemuan simbolik terhadap keterkaitan adat kelahiran bukan sahaja dapat diterokai pada aspek warna. Hal ini demikian kerana, wujud penelitian yang menunjukkan makanan turut memainkan peranan dalam pelaksanaan adat kelahiran seperti mana yang dicatat oleh Azlina Musa et al., (2020). Menurut, dalam adat turun tanah yang diamalkan di Pasir Mas, Kelantan terdapat berbagai-bagai jenis makanan yang terdiri daripada ubi-ubian. Kebiasaannya, hidangan ubi ini disediakan dalam bilangan ganjil kemudian diletakkan di dalam dulang. Dulang yang berisi ubi tersebut akan dibawa turun ke tanah oleh orang tua bersama-sama dengan bayi yang diraikan. Menurut kepercayaan masyarakat di Pasir Mas Kelantan, pelaksanaan ritual adat ini bertujuan untuk mendoakan agar anak tersebut akan berbudi kepada tanah apabila dewasa kelak dan diharapkan anak tersebut sentiasa kaya dengan hasil bumi yang diperoleh.

Namun begitu dalam keadaan yang lain, terdapat juga segelintir masyarakat telah mengadakan kenduri doa selamat sebelum mengadakan upacara turun tanah bagi bayi yang diraikan. Proses menjalankan upacara ini dimulakan dengan menghamparkan tikar di hadapan tangga untuk dijadikan alas. Setelah itu, di atas disediakan berbagai-bagai jenis makanan dan minuman serta beberapa barang yang lain seperti cermin, sikat, jam tangan, gelang, cincin, rantai bedak, kain, kasut, gunting, bubur, air sejuk dan wang. Lantas, bayi tersebut dibiarkan untuk memilih barangan yang disediakan dengan hanya terhad untuk memilih tiga barang sahaja. Hasil daripada pemilihan yang dilakukan, masyarakat Melayu Kelantan mempercayai bahawa dengan setiap barangan tersebut ia disimbolkan kepada pemakanan yang tertentu yakni sebagai penilikan bagi menentukan masa depan bayi tersebut.

Selain itu, penerokaan penggunaan simbol makanan sebagai alat komunikasi bukan lisan turut boleh diterokai dengan merujuk kepada ritual memohon kesejahteraan kehidupan. Pernyataan ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada hasil kajian (Noor Norazila Inai et al., 2020) yang mana menurutnya, ritual *serarang* yang dilakukan setiap tahun dalam Pesta Kaul oleh masyarakat Melanau *Likow* adalah sebagai tanda kesyukuran dan perlakuan memohon perlindungan daripada semangat laut. Ringkasnya, dapat dikatakan bahawa makanan adalah sebahagian daripada cabang kebudayaan yang memainkan peranan penting untuk diperhatikan. Hal ini demikian kerana, makanan bukan sahaja perlu diperhatikan dari sudut keperluannya bahkan turut perlu dilihat daripada konteks sosialnya dalam masyarakat. Contohnya, penyediaan hidangan kuih penyaram, kuih jala, *apit lapas*, *kertob*, *kuih perut ayam* dan *belen* masing-masing mempunyai maknanya yang tersendiri. Buktinya, kuih penyaram adalah ditandai sebagai simbol kasih sayang disebabkan rasanya yang manis.

Kemudian kuih jala pula, dimaknai sebagai simbol doa dan harapan apabila mengambil kira aspek sifatnya yang manis yakni merupakan pengharapan kebaikan yang membuahkan hasil (keberuntungan). Seterusnya, kuih *apit lapas* pula ditanggapi sebagai balasan daripada penjaga sungai dan laut untuk memberikan rezeki yang banyak manakala kuih *perut ayam* ialah perlambangan simbolik kepada sifat toleransi dalam kehidupan masyarakat yang dilihat pada lingkaran dan tindihan kuih tersebut. Bagi kuih *ketob* pula, hidangan ini disimbolkan sebagai lambang kesyukuran dan tanda terima kasih atas rezeki yang dikurniakan kerana beras membawa simbol suci bagi masyarakat Melanau *Likow* justeru lebihan beras tidak akan dibuang dan dijadikan hidangan ini. Akhirnya, hidangan *belen* disediakan sebagai pelengkap kepada keseluruhan hidangan apabila ingin dipersembahkan kepada *Ipok* iaitu penjaga sungai dan laut. Hasil keseluruhan hidangan ini secara jelas telah memperlihatkan peranan makanan yang nyata dalam kehidupan masyarakat Melanau *Likow* bagi memohon kesejahteraan dan kelancaran kehidupan mereka pada tahun itu. Maka disebabkan itu, ritual ini perlu dilakukan pada setiap tahun (di awalnya) bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka kan terpelihara.

Setelah merungkai peranan makanan dalam pelaksanaan ritual dan adat, makanan juga dapat diterokai makna simboliknya dengan melihat kepada aspek kehidupan yang lain. Sebagai contohnya, kajian Richard (1932) telah menganalisis masa makan sebagai cara untuk memaknai status seperti mana yang ditemukan oleh Douglas (1975) yang turut menyatakan bahawa simbol penanda sosial dapat ditafsirkan menerusi masa makan. Baginya,

masa makan ialah suatu perlambangan yang menjelaskan kekuasaan individu bagi sesebuah acara makan yang dilangsungkan kerana ia berupaya untuk menentukan hierarki status dalam kelompok yang dirujuk. Tambahan itu, menurut Dumont (1974), menerusi penemuannya di sebuah kampung di India beliau mendapati makanan amnya berupaya untuk mencerminkan kasta. Hal ini demikian kerana, mereka yang tergolong dalam kasta Brahmin tidak dibenarkan untuk makan makanan yang disediakan oleh kasta Pariah, bahkan ada makanan tertentu yang turut tidak dibenarkan untuk dinikmati oleh golongan ini. Melalui keadaan ini, dapat disimpulkan bahawa peraturan antara kasta ini telah menunjukkan akan kuasa dan kelompok dalam menentukan jenis makanan yang boleh dinikmati oleh mereka. Selain itu, makanan juga boleh berfungsi sebagai penanda identiti menerusi aspek cara makan, duduk dan jenis makanan yang dinikmati menjadi perlambangan kepada identiti yang diwakili (Caplan, 1997: 15).

Selanjutnya, jika makanan dijadikan sebagai hadiah ia secara tidak langsung telah membentuk tanda perhubungan. Pernyataan itu diulas sedemikian kerana, menurut Mauss (1967) menerusi bukunya yang bertajuk *The Gifts* telah memerihalkan simbolik pemberian makanan ditanggapi sebagai proses membenarkan atau mengakui kewujudan hubungan sosial yang dijalinkan. Maka disebabkan itu, makanan seringkali dijadikan sebagai hadiah yakni tanda penghargaan kepada individu yang menerimanya. Tuntasnya dapat simpulkan bahawa, makanan sememangnya mempunyai fungsi perlambangan yang pelbagai dalam menyampaikan suatu makna. Oleh itu, makanan secara jelas telah memperlihatkan akan ke relevannya sebagai simbol untuk menyampaikan suatu makna yang dominan iaitu melalui komunikasi bukan lisan. Secara keseluruhan, simbolisme makanan tidak hanya terhad kepada satu aspek kehidupan tetapi merangkumi pelbagai ritual dan adat. Makanan berfungsi sebagai medium komunikasi bukan lisan yang menyampaikan makna mendalam dalam konteks sosial dan budaya yang berbeza. Oleh itu, adalah penting untuk memahami bagaimana makna simbolik makanan ini berfungsi dalam konteks komunikasi antara budaya, bagi memperkaya perbincangan mengenai interaksi budaya dan memperkukuhkan perkaitan kajian ini (LeedsHurwitz, 1993; Eco, 1976).

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjalankan ulasan penskapan terhadap isu yang dikaji, pendekatan metodologi yang diketengahkan oleh Arksey dan O'Malley (2005) serta Levac et al. (2010) diaplikasikan. Pendekatan ini dipilih kerana ia mampu memberikan gambaran yang luas mengenai topik kajian tanpa terikat kepada kajian yang mendalam. Ia juga sesuai untuk mengenal pasti jurang pengetahuan dalam literatur sedia ada dan mencadangkan arah untuk kajian masa depan. Hal ini demikian kerana, proses ini berupaya untuk menganalisis secara komprehensif terhadap isu yang dikaji dengan berpanduan objektif penulisan yang telah dirangka pada awal penelitian. Maka sewaktu menjalankan analisis ulasan penskapan ini, terdapat beberapa item yang perlu diberikan perhatian. Antaranya ialah konsep-konsep yang terlibat dalam penulisan sebelumnya iaitu terhadap isu yang dikaji tanpa melaksanakan penelitian yang terlalu mendalam. Perkara ini yang dinyatakan oleh Davis, Drey & Gould (2009) dalam penulisan (Mohamad Rohieszan Ramdan et al., 2021, hal: 534) yang mana menurutnya “... *the objective provide comprehensive overview of the breadth of the concept, excluding the depth of the evidence*”. Lantaran itu, bagi melengkapkan proses ini terdapat lima proses yang perlu dilakukan. Antara lima proses tersebut adalah seperti berikut:

### Mengenal Pasti Persoalan Bagi Ulasan Penskapan yang Dijalankan

Proses penganalisan dimulakan dengan mengenal pasti persoalan kajian yang ingin diterokai. Dalam kajian ini, persoalan utama adalah: Apakah fungsi makanan sebagai simbol dalam komunikasi bukan lisan? Persoalan ini dibangunkan untuk meneroka pelbagai fungsi simbolik makanan dalam konteks komunikasi bukan lisan, sambil mengenal pasti jurang dalam literatur sedia ada.

### Mengenal Pasti Artikel yang Berkaitan

Setelah persoalan dikenal pasti, langkah seterusnya mengenal pasti artikel yang relevan untuk dianalisis. Artikel-artikel ini dikumpulkan melalui carian sistematik dalam dua pangkalan data utama, *Web of Science (WoS)* dan *Scopus*. Pangkalan data ini dipilih kerana mereka terkenal dengan kualiti tinggi dan komprehensif, memastikan bahawa kajian yang dipilih adalah daripada sumber yang bereputasi tinggi. Buktinya, dengan merujuk kepada laman sesawang WoS (Clarivate PLC, 2024) terdapat lebih 2.5 bilion rujukan yang disorot, lebih 225 juta yang telah direkodkan sehingga tahun 1864, lebih 34.6 ribu artikel '*peer-reviewed*', lebih 308 ribu persidangan yang terlibat, lebih 151 ribu buku yang terlibat, lebih 16 juta set dan dan kajian yang telah diterokai, lebih 121 juta '*patent documents*', lebih 5.8 juta disertasi dan tesis serta lebih lima juta jumlah geran yang terlibat dan 254 kategori subjek yang terdapat di dalamnya.

Selanjutnya, bagi Scopus pula (Elsevier, 2023), terdapat lebih 2.4 bilion penulisan yang telah disorot sehingga tahun 1970. Kemudian, lebih 330 ribu buku yang terlibat, lebih tujuh ribu pihak penerbit yang terlibat, lebih 23.4 juta item '*open access*' dalam data setnya serta lebih 29.2 ribu siri tajuk yang aktif. Ringkasan daripada itu, antara bidang yang termasuk di bawah payung set data Scopus ialah pangkalan data saintifik bibliografi, multidisiplin dan sorotan antarabangsa (Sánchez et al., 2016). Justeru itu dalam konteks penelitian ini, bagi mendapatkan set data yang komprehensif strategi rentetan carian menggunakan operator *Boolean* telah digunakan seperti mana jadual 1 di bawah. Namun, terdapat keterbatasan dalam penggunaan pangkalan data ini, seperti kemungkinan terlepas pandang artikel yang relevan atau masalah ketidakcocokan bahasa. Oleh itu, hasil kajian ini mungkin terhad kepada artikel-artikel yang tersenarai dalam pangkalan data ini.

Jadual 1: Strategi Carian(*search string*) dengan Menggunakan Operator *Boolean*.

| Pangkalan Data        | Strategi Carian( <i>search string</i> )                                                      |
|-----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------|
| World of Science(WoS) | TS=("nonverbal" AND "communication" AND "food" OR "dish" OR "cuisine" OR "meal" )            |
| Scopus                | TITLE-ABS-KEY ("nonverbal" AND "communication" AND "food" OR "dish" OR "cuisine" OR "meal" ) |

Sumber: Diadaptasi daripada jadual strategi carian(*search string*), Mohamad Rohieszan Ramdan et al., (2021) dalam artikel yang bertajuk, *Organizational Ambidexterity Within Supply Chain Management: A Scoping Review*.

### Melakukan Tapisan (Pemilihan) Artikel

Proses tapisan artikel dilakukan secara teliti dengan mengecualikan penerbitan yang tidak relevan, seperti bab dalam buku, ulasan artikel, dan penerbitan yang bukan dalam bahasa Inggeris. Pemilihan artikel adalah berdasarkan kepada perkaitan dan kualiti artikel dalam menyokong persoalan kajian. Artikel yang paling relevan dipilih melalui penilaian terhadap abstrak dan kandungan utama, memastikan bahawa artikel yang dianalisis secara langsung menyumbang kepada pemahaman mengenai peranan makanan sebagai simbol komunikasi (Jadual 2).

Jadual 2: Kriteria Penentuan Bagi Artikel yang Dipilih

| Kriteria      | Faktor<br>Penerimaan( <i>included</i> )  | Faktor Pengecualian( <i>excluded</i> )                         |
|---------------|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
| Jenis sorotan | Jurnal artikel dan prosiding persidangan | Bab dalam buku, buku, ulasan artikel, ulasan akhbar, editorial |
| Bahasa        | Inggeris                                 | Selain Inggeris                                                |

|        |                                                                  |                                                                                  |
|--------|------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| Bidang | Sains sosial, seni dan kemanusiaan, kajian budaya dan komunikasi | Selain daripada sains sosial, seni dan kemanusiaan, kajian budaya dan komunikasi |
|--------|------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|

Sumber: Diadaptasi daripada jadual strategi carian(*search string*), Mohamad Rohieszan Ramdan et al., (2021) dalam artikel yang bertajuk, *Organizational Ambidexterity Within Supply Chain Management: A Scoping Review*.

### Mencartakan Data

Setelah saringan selesai, data daripada artikel-artikel terpilih dicartakan. Carta ini membantu dalam menyusun dan membandingkan penemuan daripada artikel yang dianalisis. Dalam usaha ini, perisian Microsoft Excel digunakan untuk menyusun data dengan rapi, termasuk maklumat seperti nama penulis, tahun terbitan, penemuan utama, dan tema yang dikenal pasti.

### Menyusun, Mengumpulkan dan Melaporkan Data

Langkah terakhir dalam penganalisan adalah menyusun, mengumpul, dan melaporkan data. Subtema yang mempunyai persamaan dikumpulkan dalam tema utama yang sama, bagi memperdalam pemahaman mengenai topik yang dianalisis. Carta dan jadual yang dihasilkan bukan sahaja membantu dalam visualisasi data tetapi juga dalam mengenal pasti corak utama yang muncul daripada analisis. Penjelasan ringkas mengenai cara carta dan jadual ini dikembangkan turut disertakan bagi membantu pembaca memahami bagaimana data tersebut diinterpretasi.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Sejumlah 11,643 bahan bacaan diperoleh dari carian pangkalan data yang luas dan boleh dipertimbangkan untuk kajian ini. Walau bagaimanapun, setelah melalui proses pengecualian yang melibatkan artikel seperti bab dalam buku, ulasan artikel, ulasan akhbar, editorial, serta penerbitan dalam bahasa selain Bahasa Inggeris atau di luar bidang sains sosial, seni dan kemanusiaan serta kajian budaya dan komunikasi, hanya 27 artikel yang relevan dalam konteks kajian ini. Daripada 27 artikel tersebut, 16 artikel telah dikenal pasti sebagai tidak berkaitan dengan objektif penskapan yang telah ditetapkan. Akhirnya, hanya 11 artikel penerbitan yang dipilih untuk semakan tematik, kerana artikel-artikel ini lebih relevan dan sesuai dengan matlamat penyelidikan, seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1. Pemilihan artikel dilakukan berdasarkan kriteria perkaitan dan kualiti yang ketat. Artikel yang paling berkaitan dipilih melalui penilaian terhadap abstrak dan kandungan utama, memastikan bahawa artikel yang dianalisis secara langsung menyumbang kepada pemahaman mengenai peranan makanan sebagai simbol komunikasi. Pada asasnya, kriteria utama yang telah ditetapkan menjadi asas untuk memilih artikel dalam prosedur semakan skop ini. Memandangkan sumber dan pangkalan data yang tersedia, analisis ini secara eksklusif memilih artikel jurnal dan mengecualikan penerbitan lain. Sebagai contoh, pangkalan data WoS merangkumi lebih daripada 760 juta rujukan dari pelbagai bidang (Sánchez et al., 2017), yang memberikan keyakinan bahawa artikel yang dipilih berasal daripada sumber yang berkualiti tinggi dan relevan dengan kajian ini.


Berdasarkan Rajah 1, hasil carian pada pangkalan data WoS telah menemui 11, 467 carian dan 176 dari pangkalan data Scopus dengan menggunakan kata kunci "*nonverbal*" AND "*communication*" AND "*food*" OR "*dish*" OR "*cuisine*" OR "*meal*". Maka, daripada keseluruhan carian tersebut sebanyak 11,643 bahan penerbitan telah dikenal pasti dengan berlatar belakangkan format penerbitan yang berbeza. Lantaran itu, daripada jumlah rekod carian tersebut proses saringan telah dilakukan bagi memastikan fokus kajian yang dirangka dalam ulasan penskapan ini dapat dicapai dengan lebih menyeluruh. Antara saringan tersebut adalah dengan menetapkan

pengecualian bab dalam buku, buku, ulasan artikel, ulasan akhbar dan editorial. Penetapan ini adalah bertujuan bagi memastikan hanya penerbitan yang berbentuk artikel dan prosiding persidangan sahaja yang akan dianalisis dalam penelitian ini.

Dari sudut bahasa dan bidang penelitian pula, hanya penerbitan yang berbahasa Inggeris dan penerbitan yang tertakluk di bawah bidang sains sosial, seni dan kemanusiaan serta kajian budaya dan komunikasi sahaja yang akan dianalisis. Kemudian, setelah melalui kesemua saringan ini terdapat 11,616 penerbitan yang perlu dikeluarkan kerana tidak menepati fokus yang ditetapkan dalam ulasan penskapan ini. Sehingga pada akhirnya hanya berbaki 27 penerbitan yang telah dikenal pasti dengan catatan tiada rekod pendua(*duplicate*) yang ditemui. Meskipun begitu, daripada 27 artikel tersebut, didapati 16 artikel daripadanya tidak menyokong kepada fokus penelitian yang dirangka disebabkan penerbitan yang tidak menyentuh kepada peranan makanan sebagai alat komunikasi bukan lisan. Oleh itu, setelah melalui kesemua penolakan ini hanya 11 artikel sahaja yang menepati kriteria yang diinginkan dalam proses ulasan penskapan ini.

Lanjutan daripada itu, penganalisan data diteruskan dengan membangunkan carta data(Jadual 3). Hasil daripada proses ini terdapat enam tema yang ditemui iaitu tema gaya hidup, peranan lokasi(ruang), peranan masa, penanda identiti ciri makanan dan juga hubungan manusia dan haiwan. Kesemua tema ini dibangunkan dengan berpandukan dapatan yang diperoleh daripada penerbitan terpilih. Umumnya, terdapat tiga subtema yang berada di bawah tema gaya hidup iaitu hubungan makanan dan amalan hidup (*gamers*), penggunaan gantian foto (simbol makanan) sebagai bahasa komunikasi anak-anak autisme dan hidangan makanan pada pesakit dimensia sebagai cara mengimbuai memori hidup masa lalu. Bagi subtema lokasi (ruang) dan masa, hanya terdapat satu subtema yang terlibat iaitu peranan lokasi ruang terhadap hasil tanaman makanan di hutan dan simbolik penggunaan masa sewaktu masa makan kanak-kanak dan penjaga.

